

22 SEP 2003

Samy-Algeria/I

KONSORTIUM MALAYSIA MEMBIDA PROJEK ALGERIA

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Ranhill Jawala Consortium akan mengemukakan tawaran bagi membina lebuh raya sejauh 1,216 km di Algeria dalam masa tujuh bulan lagi.

Menteri Kerjaraya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata, tawaran itu akan dikemukakan kepada kerajaan Algeria sebagai tindakan susulan kepada satu Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani oleh Kerajaan Algeria dan konsortium itu bulan lepas.

Konsortium itu kini sedang menjalankan kajian mengenai cadangan projek itu "Lebuh raya Timur-Barat Algeria", yang bernilai RM12.16 bilion, kata beliau kepada pemberita selepas meraikan Menteri Kerjaraya Algeria Amar Ghoul pada jamuan makan tengahari di sini hari ini. Menteri itu yang tiba semalam kini dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia.

"Ini merupakan tindakan susulan kepada MoU itu yang ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Algeria bulan lepas dan tawaran itu termasuk membina terowong, kawasan rehat dan stesen perkhidmatan di sepanjang lebuh raya itu," kata beliau.

Ranwill Sdn Bhd, sebuah syarikat Malaysia sementara Jawala ialah sebuah syarikat dari Algeria yang terbabit dengan pembinaan infrastruktur.

Samy Vellu berkata pembinaan lebuh raya ini bukanlah satu-satunya projek yang akan dilaksanakan oleh syarikat Malaysia tetapi firma dari negara ini juga berminat pada pembinaan sesetengah pelabuhan dan lapangan terbang.

Beliau berkata syarikat pembinaan dari Malaysia setakat ini telah mengembangkan sayapnya ke 10 negara dan Algeria merupakan negara ke-11 jika negara itu bersetuju dengan tawaran Ranhill.

Syarikat Malaysia telah menawarkan peluang pekerjaan bernilai lebih RM9 bilion di kesemua 10 negara berkenaan.

Sementara itu, Menteri Algeria itu berkata negaranya percaya dengan syarikat Malaysia berdasarkan kepada rekod pencapaiannya.

-- BERNAMA

SR RV BK